

30/06/1997

Jangan tamak, boros (HL)

M Thillinadan

BUKIT MERTA JAM, Ahad - Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan generasi ketiga Umno, mewakili golongan muda yang menjadi ahli baru parti, supaya jangan tamak kuasa, boros dan lupa daratan.

Mereka juga hendaklah menjauhkan diri daripada segala bentuk rasuah dan penyelewengan.

Pemangku Presiden Umno itu berkata, sikap tamak kuasa, boros, mengamalkan rasuah, lupa daratan dan melanggar prinsip perjuangan parti, akan menghancurkan parti.

"Generasi pertama Umno berjalan berbatu-batu jauhnya ke seluruh pelusuk negara dan kampung untuk mengembangkan perjuangan parti serta menubuhkan cawangan baru.

"Generasi kedua pula menyambung perjuangan dan semangat parti yang diasaskan generasi pertama tetapi kali ini menggunakan kereta untuk meneruskan usaha berkenaan.

"Kita tidak mahu generasi ketiga nanti lupa daratan dan menjadi malas, boros, tamak kuasa, rasuah dengan alasan segala-galanya dalam Umno elok dan tak ada perjuangan baru untuk diteruskan," katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Permatang Pauh di sini, hari ini.

Menurutnya, sikap begitu akan menghancurkan Umno yang didokong oleh generasi pertama dan kedua.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan generasi ketiga Umno supaya tidak membiarkan diri mereka dibuai kelekaan kerana perjuangan untuk memajukan orang Melayu perlu diteruskan bila-bila masa.

Menurutnya, sejarah membuktikan banyak tamadun dan empayar yang pada satu ketika tidak disangka boleh jatuh, turut luput dari muka dunia kerana sikap cuai dan leka di kalangan generasi baru.

"Siapa sangka Empayar Ummayyah yang agung di bawah pimpinan Omar Abdul Aziz yang begitu maju sehingga tak ada orang miskin untuk diberi kutipan zakat, boleh hancur disebabkan sikap puas dan leka pemimpin generasi baru yang menggantikannya.

"Sikap puas dan kelekaan generasi baru, akhirnya menyebabkan empayar Islam yang agung itu hancur dan rakyatnya hidup melarat," katanya.

Anwar berkata, Umno tidak boleh menerima nasib sedemikian dan tindakan akan diambil terhadap sesiapa saja yang mengamalkan rasuah dan penyelewengan.

Menurutnya, Umno hanya boleh mencapai kejayaan dan menyelesaikan pelbagai masalah rakyat, termasuk sosial, kesihatan dan pendidikan, jika pemimpinnya bersih.

"Sebab itu Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertekad mahu membetulkan keadaan itu. Kita tak mahu jadi pemimpin untuk diri sendiri.

"Pemimpin menang pilihan raya untuk memperjuangkan kemajuan dan memenuhi agenda rakyat. Orang yang diberi kepercayaan memegang amanah dan pikul tanggungjawab mesti sedia pertahankan prinsip murni itu," katanya.

Sementara itu, dalam ucapan penangguhannya, Anwar berkata Umno tidak akan bertolak ansur untuk menyelesaikan isu rasuah.

Menurutnya, cawangan yang ingin mengadakan rombongan dalam negara sebagai kegiatan tahunan akan dibenarkan berbuat demikian asalkan tidak ada penaja.

(END)